# Pampasan RM7.1j belum dituntut

Oleh AHMAD SHAZWAN MD. YUSOF
pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 21 Ogos - Bayaran pampasan sebanyak lebih RM7.1 juta belum dituntut waris mangsa pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH370 dan MH17 daripada syarikat insurans.

Presiden Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM), Vincent Kwo berkata, jumlah tersebut merupakan sebahagian daripada RM34.2 juta bayaran pampasan yang disediakan syarikat insurans kepada mangsa tragedi pesawat tersebut.

"Sehingga Julai lalu, sebanyak RM15.9 juta daripada RM18.7 juta insurans bagi penumpang pesawat MH370 telah dibayar kepada waris, manakala selebihnya masih belum dituntut. Bagi mangsa pesawat MH17, sebanyak RM11.2 juta daripada RM15.5 juta bayaran pampasan telah dituntut dan masih berbaki sebanyak RM4.3 juta yang melibatkan tuntutan 95 polisi insurans.

"Syarikat insurans bertanggungjawab membayar semua pampasan kepada mangsa yang mengambil insurans hayat dan menuntutnya segera. Kami berharap supaya penumpang pesawat mengambil insurans kerana pelbagai kemungkinan boleh berlaku semasa penerbangan," katanya dalam sidang akhbar selepas menyampaikan sumbangan hari raya kepada dua rumah kebajikan di sini hari ini.

Pada majlis itu, Vincent menyampaikan sumbangan barangan keperluan harian berjumlah RM8,000 kepada 100 kanak-kanak daripada dua rumah kebajikan, Asrama Darul Falah (Asdaf) dan rumah perlindungan Shelter, Petaling Jaya.

Yang turut hadir, Pengetua Asdaf, Zulyadain Mohd. Radzi dan Pengurus Besar Shelter, Cheok Hoong Poh.

Menurut Vincent, sumbangan itu merupakan sebahagian daripada program Insurans Hayat Cares yang merupakan platform khidmat komuniti LIAM setiap tahun.

Katanya, program tersebut dicipta bagi memenuhi objektif persatuan untuk mendekati masyarakat dan merupakan salah satu aktiviti bagi menyambut 40 tahun penubuhan persatuan itu.

"Kami gembira dapat terlibat dengan kanak-kanak yang datang daripada pelbagai latar belakang yang berbeza dan memerlukan penjagaan, bimbingan dan kasih sayang tanpa sempadan.

"Diharap dengan program seperti ini yang diadakan setiap tahun akan membawa keriangan dan keceriaan kepada mereka yang kurang bernasib baik," katanya.